

08/12/1999

MCA tidak minta tambahan kerusi Kabinet

KUALA LUMPUR, Selasa - MCA tidak menuntut tambahan kerusi dalam barisan Kabinet baru yang dijangka diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

"Kami tidak meminta tambahan kerusi dalam Kabinet. Oleh itu, saya menjangka bilangan ini kekal seperti sedia ada," kata Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Ling berkata, senarai nama wakil MCA yang dicadangkan untuk menganggotai Kabinet, sudah dikemukakan kepada Dr Mahathir.

Senarai MCA itu antara lain menyaksikan Dr Ling dinamakan semula sebagai Menteri Pengangkutan. Dr Ling enggan mendedahkan senarai berkenaan, tetapi menegaskan tiada kejutan pada senarai itu.

"Jika saya beritahu dan Perdana Menteri tidak bersetuju, malulah saya. Anda akan cakap saya salah kalau senarai itu nanti berbeza dengan apa yang diumumkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis tertinggi parti itu di sini, hari ini.

Dalam barisan Kabinet sebelum ini, MCA memperolehi empat kerusi menteri, timbalan menteri (enam) dan setiausaha parlimen (dua).

Laporan sebelum ini menyebut Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Fong Chan Onn akan dinaikkan pangkat sebagai Menteri Sumber Manusia, menggantikan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, yang mengundur diri dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

Dr Mahathir dijangka mengekalkan kedudukan Datuk Dr Ting Chew sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Datuk Chua Jui Meng sebagai Menteri Kesihatan.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Chan Kong Choy diramalkan mengambil alih kedudukan Fong sebagai Timbalan Menteri Pendidikan manakala tempat Chan diisi oleh Ahli Parlimen Seremban, Datuk Hon Choon Kim.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Datuk Chor Chee Heung dijangka menggantikan Datuk Wong See Wah sebagai Timbalan Menteri Kewangan manakala Datuk Ong Ka Ting kekal sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Terdahulu ketika berucap pada mesyuarat itu, Dr Ling berkata, MCA juga mengambil keputusan untuk tidak membuat sebarang kenyataan berhubung tindakan dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan, keluar daripada parti itu.

Ditanya sama ada MCA akan membuka pintu kepada dua Adun itu, beliau berkata: "Terlalu awal untuk saya mengulas perkara ini kerana mereka berdua perlu membuat permohonan secara rasmi jika benar-benar ingin menyertai MCA.

"Kita akan membincangkan hal ini jika menerima surat permohonan mereka."

Mesyuarat itu juga antara lain menerima peletakan jawatan Ah Lek sebagai Pengerusi MCA Perak serta Pahang dan bersetuju melantik Datuk Ong Ka Chuan sebagai Pengerusi MCA Perak manakala Datuk Kong Chong Koy, sebagai Pengerusi MCA Pahang.

Ka Chuan, Adun Chendering juga adalah Setiausaha Kerja MCA Kebangsaan manakala Kong Choy adalah Ahli Parlimen Selayang dan Naib Presiden MCA.

Katanya, kedudukan Ah Lek dalam parti akan dibincangkan selepas semua urusan, termasuk pelantikan wakil dalam Kabinet dan kerajaan negeri, selesai.

(END)